



**USM**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**



**SIDANG AKADEMIK 2021/2022 SEMESTER I**

**PPK 334/4 PENGURUSAN MASALAH EMOSI DAN TINGKAH LAKU KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS**

**TUGASAN GANTIAN PEPERIKSAAN AKHIR 30%**

Max ialah seorang murid masalah pembelajaran dalam program pendidikan khas. Max mengalami masalah impulsif dan hiperaktif. Dia tidak boleh duduk diam di tempat duduknya melebihi 10 minit. Nyatakan tiga strategi pengurusan tingkah laku yang sesuai dalam kes ini. Ulaskan.

**DISEDIAKAN OLEH:**



**NUR ATHIRAH BINTI ABDULLAH SANI**

**145855**

**DISEDIAKAN KEPADA**

**DR. LOW HUI MIN**

**TARIKH PENGHANTARAN**

**11 FEBRUARI 2022**

## PENGENALAN

Masalah pembelajaran ditafsirkan sebagai gangguan dalam satu atau lebih daripada proses psikologi atau kognitif yang melibatkan ketidakupayaan pemahaman atau penggunaan bahasa sama ada menerusi penulisan dan pertuturan yang tidak sempurna yang mengakibatkan kebolehan berfikir dengan baik terjejas (*Individual with Disabilities Education Act, 1997*) namun Farid (2007) menjelaskan kanak-kanak masalah pembelajaran boleh diajar dan mendapat pendidikan formal di sekolah yang mempunyai program pendidikan khas masalah pembelajaran. Merujuk kepada *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Illness* edisi 5 menjelaskan masalah impulsif yang dialami Max merujuk kepada tingkah laku kanak-kanak yang cenderung bertindak mengikut kehendak hati tanpa mempertimbangkan akibat buruk dari tindakan tersebut. Manakala menurut *Medline Plus* menyatakan tingkah laku hiperaktif bermaksud sikap seseorang yang sukar untuk duduk diam secara berasalan, ketidakupayaan menumpukan perhatian serta mudah terganggu dan perilaku yang sukar dikendalikan seperti ADHD. Justeru, kelakuan ini memberi kesan negatif dengan menganggu fungsi kehidupan dan gaya pembelajaran maka strategi pengurusan tingkah laku perlu diimplementasikan bagi menangani masalah ini.

## STRATEGI PENGURUSAN TINGKAH LAKU & LANGKAH PELAKSANAAN

Sikap negatif Max yang sukar untuk duduk diam di tempat duduknya haruslah diatasi menerusi pendekatan **kontrak tingkah laku** iaitu suatu perjanjian secara bertulis atau lisan yang dilakukan antara guru dan pelajar yang terlibat berkaitan tingkah laku yang harus dikurangkan. Kontrak bertulis yang dibina mengandungi peranan dan tanggungjawab yang penting untuk penilaian semula perkembangan penyingkiran tingkah laku negatif Max secara berkala. Sehubungan itu, pendekatan kontrak dipilih sebagai strategi utama kerana kontrak dapat menyediakan dokumentasi khas tentang kemajuan peralihan tingkah laku Max dan penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk rujukan pada masa akan datang serta kontrak dapat membantu Max meningkatkan kemahiran pemantauannya kendiri (W. Lexis, 2018).

**Cara pelaksanaan** kontrak ialah guru kelas perlu menyediakan sebuah perjanjian yang menetapkan satu tingkah laku negatif yang harus dikurangkan oleh Max iaitu bersikap hiperaktif di dalam kelas dan menetapkan satu tingkah laku yang diingini iaitu Max perlu duduk diam di tempat duduknya serta memberi tumpuan semasa guru mengajar. Kemudian, satu mesyuarat perjumpaan akan diadakan antara guru dan Max untuk berbincang tentang pengubahsuaian tingkah laku ini. Di dalam kontrak juga guru akan menyatakan pemberian

ganjaran sekiranya Max berjaya mencapai matlamat tingkah laku yang diingini supaya perilaku positif tersebut dapat diulang lagi sehingga berupaya untuk digeneralisasikan. Menerusi kontrak juga, penilaian semula turut akan dijalankan bagi mengenalpasti perubahan tingkah laku Max.

Strategi seterusnya ialah **pemodelan dan peneguhan positif**. Pemodelan ialah tunjuk ajar dan teladan baik yang dipamerkan oleh guru atau komuniti dipersekitaran manakala peneguhan positif merujuk kepada ganjaran yang mendorong individu untuk mengulangi tingkah laku positif secara berterusan. Sehubungan itu, strategi *modelling* dipilih kerana menurut kajian yang diterbitkan oleh *Pediatric Institute Publication* menyatakan sifat kanak-kanak sememangnya secara semulajadi suka untuk mengikuti perilaku orang disekeliling. Kenyataan ini turut disokong berdasarkan penyelidikan dari *University of Washington* menjelaskan maklumat dari hasil pemerhatian dan peniruan pergerakan badan orang dewasa akan diimbas oleh otak kemudian menghasilkan tindak balas dalam konteks sensorimotor otak kanak-kanak yang membantu mereka untuk menyalin semua tingkah laku yang ditunjukkan. Hal ini memudahkan lagi proses pengajaran tingkah laku positif kepada Max dengan lebih berkesan. **Cara pelaksanaan** strategi ini ialah sebelum memulakan pembelajaran guru akan menetapkan satu rutin harian yang sama iaitu menonton video animasi puppet bertajuk “*How to Be a Good Student*”. Kemudian guru akan menunjukkan kaedah duduk yang betul dan selesa agar Max dapat ikutinya untuk duduk dalam jangka masa yang lebih lama. Guru juga akan meminta kumpulan rakan sebaya untuk fokus dan duduk diam di tempat masing masing serta setiap daripada mereka yang berjaya akan diberikan peneguhan positif untuk mengalakkan ajukan. Sepanjang proses ini, Max juga berkemungkinan tinggi untuk berperilaku berdisiplin di tempat duduk akibat tindakan mengikuti gerak laku rakan-rakan serta keinginan untuk mendapatkan bahan rangsangan yang sama.

Akhir sekali, guru boleh melaksanakan strategi **analisis tugasan** yang bermaksud suatu pendekatan yang memecahkan tingkah laku yang bersifat kompleks kepada langkah yang lebih mudah supaya murid berupaya beransur-ansur menguasai tingkah laku yang diingini. Sehubungan itu, strategi ini dipilih kerana komponen tugasan yang ingin dilaksanakan oleh pelajar lebih tersusun serta tugasan dalam komponen yang kecil lebih sesuai dengan tahap kognitif Max yang mempunyai daya tumpuan yang rendah. Analisis tugasan ini juga dipilih untuk pengurusan tingkah laku kerana Max berkemungkinan tidak dapat duduk diam melebihi 10 minit kerana faktor ketidakselesaan disebabkan postur badan yang salah. Oleh itu, **cara pelaksanaan** analisis tugasan ini ialah guru menyediakan senarai semak dengan pecahan

tugasan tentang cara untuk duduk dengan cermat di dalam kelas. Pertama,guru mengarahkan Max untuk berdiri di tepi meja belajar setiap kali guru memasuki kelas untuk tempoh 1 minit pertama. Langkah kedua, Max perlu menarik kerusi untuk duduk selepas guru membenarkan. Langkah ketiga, Max perlu menolak semula kerusi agar lebih dekat dengan meja, meletakkan kaki diatas penampang kaki dan diajar untuk duduk dalam keadaan tegak dengan tangan lurus diatas meja. Analisis tugasan ini akan dijalankan mengikut fasa sehinggalah Max dapat jadikan prosedur ini sebagai suatu kebiasaan dan berubah dari berperilaku hiperaktif kepada berperilaku disiplin.

### **PERBANDINGAN KELEBIHAN DAN KELEMAHAN**

<b>Strategi pengurusan tingkah laku</b>	<b>Kelebihan</b>	<b>Kelemahan</b>
<b>1. Kontrak tingkah laku</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Kontrak tingkah laku memberi kebaikan kepada guru apabila perjanjian boleh diubahsuai dan dijalankan pada setiap masa sepanjang tempoh persekolahan. Perancangan yang fleksibel iaitu dapat mereka bentuk tingkah laku positif yang sesuai dengan keutamaan pelajar.</li> <li>-Manakala kelebihan kepada pelajar ialah kontrak dapat meningkatkan kemahiran pemantauan dan kawalan kendiri terhadap tindakan sendiri menerusi penilaian semula perjanjian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perjanjian mudah dimungkiri oleh pelajar kerana tindakan yang sama perlu dilakukan menjadikan mereka lebih cepat bosan.</li> <li>- Pelajar berisiko untuk mengulangi semula tingkah laku negatif sekiranya kontrak sudah tamat tempoh oleh kerana mereka berasa tidak perlu lagi terikat dengan perjanjian guru.</li> </ul>
<b>2. Pemodelan &amp; peneguhan positif</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tunjuk ajar dari pemodelan dapat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kanak-kanak berisiko mengikuti tingkah laku</li> </ul>

	<p>menjimatkan masa kerana penerangan visual secara langsung lebih mudah difahami berbanding pengajaran berdasarkan konsep.</p> <p>- Dapat membantu kanak-kanak membina gambaran bagaimana sesuatu tingkah laku positif yang sepatutnya dilakukan.</p>	<p>negatif sama ada secara fizikal atau lisan dari individu persekitaran oleh kerana murid impulsif sering bertindak tanpa berfikir terlebih dahulu.</p> <p>- Terlalu bergantung kepada ganjaran selepas berjaya mengikuti tingkah laku dan mudah memberontak sekiranya ganjaran tidak diberikan.</p>
<b>3. Analisis tugasan</b>	<p>- Memberi peluang kepada kanak-kanak untuk memahami tingkah laku yang kompleks secara berkala</p> <p>- Lebih praktikal dan mudah diaplikasikan sebagai rutin harian kerana langkah ringkas yang mudah diikuti.</p>	<p>- Oleh kerana Max merupakan kanak-kanak hiperaktif dan memiliki daya tumpuan yang rendah. Maka strategi ini kurang bersesuaian apabila langkah pada peringkat awal mudah dilupakan apabila memasuki langkah pengajaran yang seterusnya.</p>

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, perilaku Max yang merupakan kanak-kanak bertingkah laku hiperaktif dan impulsif dapat ditangani menerusi strategi pengurusan tingkah laku yang besesuaian. Justeru, strategi yang terbaik ialah pemodelan dan peneguhan positif. Oleh kerana, kanak-kanak mudah mengikuti setiap perilaku positif yang ditunjukkan oleh guru dan rakan-rakan sebaya. Ditambah pula dengan pemberian peneguhan positif yang merangsang pengulangan ajukan serta tingkah laku yang ditunjukkan juga dapat dikawal dan dilatih dari semasa ke semasa sehingga dapat digeneralisasikan sehingga menjadi tingkah laku positif.